

Headline	Silibus pendidikan seks dalam Moral, Pendidikan Islam		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	22 Oct 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	20	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	161 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,627
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,881



# Silibus pendidikan seks dalam Moral, Pendidikan Islam

**KUALA LUMPUR 21 Okt.** - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mencadangkan agar silibus pendidikan seks dimasukkan ke dalam mata pelajaran Pendidikan Moral atau Pendidikan Islam di sekolah.

Cadangan tersebut dikemukakan dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-Kanak yang diadakan di Kuching, Sarawak semalam.

Menterinya, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, cadangan itu timbul apabila perbincangan mesyuarat turut menyentuh isu berkaitan keselamatan kanak-kanak terutamanya yang menjadi mangsa penderaan seksual.

"Selama ini anak-anak kita terlalu terdedah dengan maklumat di media sosial dan internet yang belum pasti kebenarannya," kata beliau dalam

sebuah kenyataan di sini hari ini.

Jelas Rohani, selain isu berkaitan keselamatan kanak-kanak dan pendidikan seks, antara topik yang turut dibincangkan dalam mesyuarat tersebut adalah mengenai keciciran kanak-kanak akibat dibuang sekolah dan isu sumbang mahram.



**ROHANI ABDUL KARIM**

"Mesyuarat ini merupakan platform untuk ahli-ahli yang terdiri daripada pakar dalam bidang kanak-kanak, wakil agensi-agensi berkaitan serta dua orang ahli tetap Majlis Perwakilan Kanak-kanak Kebangsaan untuk berbincang serta mencari penyelesaian berkaitan isu semasa kanak-kanak di negara ini," katanya.

Katanya, isu berkaitan kewarganegaraan kanak-kanak khususnya di bawah institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut dibincangkan.